

Bencana berulang

Hulu Langat banjir lagi



Beberapa penduduk terpaksa mengharungi air yang naik di jalan Batu 11 1/2 Taman Sri Nanding Hulu Langat, petang semalam.

KUALA LUMPUR - Hujan lebat di Lembah Klang petang semalam, menyebabkan beberapa kawasan di Hulu Langat ditenggelami air serta kejadian pokok tumbang mengakibatkan seorang remaja berusia 13 tahun cedera.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Kajang berkata, dalam kejadian itu, dua rumah teres di Taman Sri Nanding dihempap pokok tumbang dan mencederakan remaja berkenaan.

Selain Taman Sri Nanding, kawasan yang terlibat ialah Kampung Sungai Serai dan Jalan Batu 11 1/2.

Seorang penduduk, Mohd Zaidy Zainuddin, 32, berkata, hujan sejak 2.45 petang itu menyebabkan air Sungai Betung melimpah ke kawasan rumahnya di Jalan Batu 11 1/2.

"Saya dan keluarga sedang membersihkan kawasan rumah akibat kejadian banjir baru-baru ini, apabila hujan lebat disertai angin kencang, hujan tak berhenti selama dua jam menyebabkan air naik dengan pantas," katanya.

“Nasib baik pokok tumbang tak hempap rumah mak cik, kalau tidak habis kami sekeluarga.”

Aminah

Mohd Zaidy berkata, kawasan itu kerap dilanda banjir, namun kejadian 7 Mac lalu merupakan kejadian yang terburuk sejak dia menetap di situ pada 2004.

Sementara itu penduduk di Kampung Serai, Aminah Abdul Halim, 55, berkata, angin kencang turut menyebabkan pokok tumbang di halaman rumahnya.

"Nasib baik pokok tumbang tak hempap rumah mak cik, kalau tidak habis kami sekeluarga," katanya.

Hassan Mat Soh, 44, berkata, dia terpaksa menutup kedai runcitnya di Taman Sri Nanding selepas melihat air mula naik.

"Ketika banjir lepas habis semua barang-barang di kedai, saya terpaksa menanggung rugi kerana lambat tutup kedai," katanya. - Bernama